

ROH BAHASA dan Kecintaan Rakyat

Pengumuman Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak tentang Program Dwibahasa (DLP) telah menimbulkan aneka reaksi dalam kalangan orang ramai. Ini ialah kali ketiga kumpulan pejuang bahasa Melayu menyuarakan rasa bimbang secara besar-besaran. Mereka bimbang, akibat perancangan kerajaan, bahasa Melayu akan gagal menjadi bahasa ilmu di Malaysia. Selain DLP, Perdana Menteri juga menyebutkan Program Imersif Tinggi (HIP) yang bertujuan mempercepat penguasaan berbahasa Inggeris pelajar.



Bagi Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong, HIP dapat diterima, tetapi beliau curiga terhadap DLP, kerana katanya dasar ini mungkin akan meminggirkan bahasa Melayu. (BH, 31 Oktober 2015). Peminggiran itu akan menjejaskan sistem pendidikan di negara ini.

Terdahulu, Sasterawan Negara Dato' Baha Zain, diikuti oleh ahli bahasa dan sastera yang lain, secara langsung menyebutkan ketidaksetujuan mereka. Dalam kalangan pelajar di institut pengajian tinggi, rancangan yang diutarakan oleh Perdana Menteri amat dialu-alukan. (BH, 30 Oktober, 2015). Demikian juga dalam kalangan pelajar sekolah menengah. (BH, 31 Oktober, 2015). Sekurang-kurangnya, itulah yang digambarkan oleh akhbar.

Sejak pengisytiharan kemerdekaan negara (1957) hingga kini, kita telah menyaksikan kebangkitan ahli-ahli dan penyokong-

penyokong bahasa Melayu menentang sebarang dasar oleh pihak atasan jika dirasakan dasar itu akan melemahkan penggunaan bahasa Melayu. Pihak kerajaan pula, selama ini berusaha untuk mempromosikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris melalui sistem yang berubah-ubah.

Jika perkara ini diperhatikan dengan teliti, kita akan dapat menanggapi keseluruhan fenomena. Pergolakan ini ialah pertentangan antara dua hasrat baik, dan tiada hasrat yang sebaliknya. Perdana Menteri kini, sama dengan Perdana Menteri yang lalu, telah mengumumkan dasar yang bertujuan memajukan pelajar Malaysia bagi menghadapi zaman yang kian mencabar. Pejuang bahasa pula melihat hal ini sebagai punca kemerosotan peranan bahasa Melayu pada masa hadapan. Ini bermakna, satu

perkara telah dilihat dari perspektif yang berbeza.

Untuk melihat keseluruhan fenomena berkaitan dengan bahasa Melayu di Malaysia, saya tidak mengutamakan syak wasangka. Dalam tinjauan saya, pejuang bahasa Melayu dan sastera Melayu sejauh ini amat berjaya. Kejayaan itu dapat dibuktikan dengan melihat munculnya ahli-ahli bahasa Melayu dan sastera Melayu yang hebat dari semasa ke semasa.

Dalam dekad 1960-an, acara mendaulatkan bahasa Melayu dimulakan dan disemarakkan oleh pihak kerajaan sendiri. Minggu Bahasa Kebangsaan dan Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) dipenuhi dengan kegiatan pertandingan berpidato dan berbalas pantun. Hasil inisiatif daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, sampai kini program sedemikian masih diadakan.

Peserta daripada pelbagai kaum telah dan sedang mengambil bahagian dalam acara sedemikian sejak dahulu hingga kini. Dari segi kadar penglibatan, kita dapati orang Melayu jauh mengatasi kaum-kaum lain. Keadaan ini agak munasabah, kerana sistem kita mengizinkan pencarian ilmu pengetahuan dan sosialisasi melalui bahasa penutur jati. Oleh itu, dalam kalangan pelbagai kaum, kita tidak melihat kesamarataan kefasihan dalam bahasa Melayu. Kesamarataan kecintaan juga tidak terhasil. Adakah hal ini patut kita kesalkan? Saya kira tidak, kerana ini ialah peristiwa khas dalam negara kita. Ini ialah keistimewaan kita, dan janganlah kita melihatnya sebagai kekurangan.

Penulis beberapa kali menyatakan ketidaksetujuan jika orang membandingkan Malaysia dengan Sepanyol, Perancis, Thailand atau Indonesia. Perbandingan demikian, yang bertujuan untuk mengatakan kita lemah, adalah tidak perlu. Sebenarnya, setiap langkah dalam sejarah sesebuah negara, ada alasan dan ada akibatnya. Bukan hanya hal bahasa, malah setiap yang terjelma dalam masyarakat kita, ialah hasil tindakan kita.

Kegiatan Minggu Bahasa Kebangsaan, Bulan Bahasa dan Sastera Negara, dan kini dinamakan Bulan Bahasa Kebangsaan ialah penghias pada kegiatan memajukan bahasa kebangsaan yang lebih bersifat dalaman. Kenyataan di atas merupakan jawapan bagi soalan yang berbunyi, "Mengapakah kita masih ada BBK, padahal kita sudah lama merdeka?" Soalan itu, yang disuarakan oleh Datuk Tamimi Siregar, membawa maksud tersirat, bahawa negara yang berpuh-puluh tahun merdeka sepatutnya sudah lama bebas daripada masalah bahasa seperti ini.

Kita masih mengadakan kegiatan BBK bagi menimbulkan kesedaran bahawa kita belum bersatu padu dalam hal penggunaan bahasa. Kegiatan ini bermaksud menyedarkan rakyat Malaysia, bukan untuk menyelesaikan masalah. BBK tidak akan menambahkan kecintaan rakyat kepada bahasa dan sastera Melayu. Kecintaan kepada bahasa dan sastera Melayu bukan boleh disegerakan, tetapi boleh dibangkitkan sedikit demi sedikit melalui kegiatan yang bersifat dalaman.

Perkara yang dimaksudkan dengan kegiatan "bersifat dalaman" ialah kegiatan berfikir disertai hasrat yang kukuh dalam jiwa rakyat untuk memajukan bahasa kebangsaan. Hal ini ada dalam jiwa sejumlah rakyat Malaysia, bukan semua. Tokoh-tokoh bahasa Melayu seperti Prof. Datuk Dr. Asmah Haji Omar, Prof. Datuk Dr. Nik Safiah Karim, Datuk Dr Awang Saryan dan beberapa lagi, telah menghasilkan buku-buku tabahasa manakala Datuk Usman Awang, Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh, Datuk Baha Zain, Datuk Zurinah Hassan, dan lain-lain telah menghasilkan karya dan kajian sastera yang bermutu tinggi. Mereka bergerak dari dalam, bererti bertitik tolak dari jiwa.

BBK seharusnya diteruskan, namun pada masa yang sama kerajaan boleh memikirkan dasar untuk memajukan kedua-dua bahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, kerana adalah tugas kerajaan untuk membawa kemajuan kepada rakyat. Kerajaan tidak wajar mencari masalah

melalui dasar yang berubah-ubah. Kita sudah menerima baik dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI), jadi mengapakah kita masih mahu menyebutkan dasar dan program lain?

Hasrat untuk memajukan bahasa Melayu kekal seperti asal, cuma cara pelaksanaan DLP telah menimbulkan kegoncangan dalam kalangan pencinta bahasa Melayu. Jika DLP mahu diadakan secara terpencil, iaitu melalui kaedah mengajar sesuatu mata pelajaran, saya kira kegoncangan tidak berlaku. Program terpencil jangan sekali-kali diselitkan dalam sistem, tetapi berada dalam kegiatan yang khusus bertujuan memajukan pembelajaran bahasa Inggeris. Contoh program terpencil ialah pertandingan pementasan drama dalam bahasa Inggeris, pertandingan berpidato dalam bahasa tersebut, dan seumpamanya.

Ketika dan setelah dasar MBMMBI diumumkan, kita tidak menemukan kritikan keras daripada pencinta bahasa Melayu. Satu badan yang diketuai oleh Profesor Abdullah Hassan dan Profesor Datuk Isahak Haron telah berunding tentang pelaksanaannya. Konsep MBMMBI tidak menuju kepada pendidikan melalui DLP, tetapi bermaksud menambahkan kemahiran pelajar dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Seperti yang disadari semua, dan seperti yang disebutkan oleh Prof. Khoo Kay Kim, tiada sesiapa yang berakal akan menentang usaha mempelajari bahasa asing.

Isahak Haron telah mengemukakan kaedah mengajar B 1 untuk B 2 (L 1 for L2), iaitu bahasa ibunda digunakan untuk mengajarkan bahasa kedua. Kaedah ini ditujukan kepada pelajar yang lemah dalam bahasa kedua, iaitu bahasa Inggeris. Artinya, jika dikaitkan dengan keadaan di negara kita, guru anganlah berasa tertekan dan segan mengajarkan subjek Bahasa Inggeris dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai pengantar. Hal ini bercanggah dengan anggapan yang sedia ada, iaitu guru Bahasa

Inggeris yang baik akan mengajarkan bahasa Inggeris melalui bahasa Inggeris juga.

Saranan Prof Isahak Haron bahawa bahasa Inggeris selaku satu subjek, sama kedudukan dengan mata pelajaran lain, seperti Matematik, Sejarah dan seumpamanya, jadi tidak salah jika bahasa Melayu digunakan untuk mengajarkannya. Dengan kata yang lebih mudah, jika subjek Sejarah boleh diajarkan dengan



Bagi menjayakan pendidikan di negara kita, bahasa Melayu hendaklah diajarkan tanpa menimbulkan pertentangan dengan bahasa Inggeris.

menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, mengapakah subjek bahasa Inggeris mesti diajarkan dengan bahasa pengantar bahasa Inggeris? Pengajaran bahasa Inggeris di beberapa negara memang menggunakan bahasa ibunda atau bahasa kebangsaan mereka sebagai bahasa pengantar.

Selepas berfikir tentang hal itu, timbul hasrat untuk mengemukakan contoh, maka saya hasilkan buku yang bertajuk Bahasa Inggeris, Mata Pelajaran Wajib Lulus (*English, a Must-Pass Subject*). Inilah yang saya anggap kegiatan dalaman, iaitu kita berbuat apa-apa yang kita fikirkan baik. Penggunaan bahasa Melayu bagi mengajarkan bahasa

Inggeris ialah tanda kekuatan bahasa Melayu. Jika kaedah ini digunakan, pelajar akan mahir berbahasa Inggeris dan bahasa Melayu sekali gus. Apabila kita mengusahakan terjemahan, kita akan menemukan hal-hal yang asing. Misalnya, kita akan menemukan fakta bahawa sejumlah ikan yang sama jenis masih disebut *fish*, manakala ikan yang berjenis-jenis disebut *fishes*. Jadi, bentuk plural bagi ikan ada dua. Lebih menarik lagi apabila diketahui (pada tahap awal) oleh murid bahawa makna *sell* tidak semestinya menjual, tetapi juga boleh dijual, misalnya *your books sell well* boleh juga diterjemahkan menjadi buku anda laris.

Bahasa Melayu perlu diperjuangkan untuk keharmonian dalam negara ini, demikian pandangan Rejab F.I. (*BH*, 31 Oktober, 2015). Saya bersetuju dengan kenyataan itu. Namun begitu, contoh yang dikemukakan Rejab tidak tepat, kerana dikatakan keharmonian dicapai dalam kalangan rakyat Thailand. Orang Melayu-Islam di Thailand memang hebat berbahasa Thai, tetapi konflik keagamaan tidak dapat dihindarkan, terutama di bahagian selatan. Oleh itu, walaupun betul bahasa dapat mengharmonikan hubungan antara kaum dalam sesebuah negara, faktor itu bukanlah mutlak. Pertelingkahan politik di Asia Barat, dalam kalangan masyarakat yang menggunakan satu bahasa, adalah bukti bahawa kenyataan itu tidak mutlak.

Adalah baik kerajaan merancang sebarang program bagi memajukan rakyat, terutama pelajar. Adalah baik juga para ahli bahasa memberikan respons terhadap perancangan kerajaan. Walau bagaimanapun, dalam konteks negara ini, pencapaian tertinggi bahasa Melayu akan ditentukan oleh kesukaan pengguna bahasa. Pencinta bahasa Melayu perlu membuktikan keistimewaan bahasa Melayu melalui penulisan dan aktiviti kebahasaan yang lain.

Dua tahun yang lalu, Kementerian Pendidikan mengumumkan bahawa mata pelajaran Bahasa Inggeris akan menjadi subjek wajib lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Walaupun buku saya



menyebutkan "bahasa Inggeris wajib lulus" pada judulnya, perkataan "lulus" itu metaforikal, yang membawa makna "dikuasai". Saya sendiri merasakan rancangan mewajibkan kelulusan Bahasa Inggeris bagi memperoleh SPM pasti menyebabkan pelajar-pelajar yang kekurangan kemudahan akan menghadapi kegagalan. Oleh yang demikian, saya ingin menyarankan agar syarat kelulusan Bahasa Inggeris untuk lulus dalam peperiksaan SPM seperti yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, tidak akan dilaksanakan.

Bagi menjayakan pendidikan di negara kita, bahasa Melayu hendaklah diajarkan tanpa menimbulkan pertentangan dengan bahasa Inggeris. Kedua-duanya ialah alat untuk mencapai ilmu. Sikap mencintai bahasa Melayu ialah sikap yang betul, dan usaha mendaulatkannya juga betul. Untuk mencapai tujuan, kita hendaklah berhati-hati dalam membuat dasar, dan melaksanakan dasar.

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris perlu dimajukan. Setiap warga pendidik, baik di Kementerian mahupun di sekolah, perlu sedar, bahawa dalam menjalankan tugas pada tahap mana sekali pun, bahasa Melayu hendaklah lebih diutamakan berbanding bahasa Inggeris. Selain itu, pendidik diharapkan bukan sekadar mengusahakan agar pelajar memahami bahasa Melayu, malah yang lebih utama, menumbuhkan dan mengekalkan kecintaan terhadap bahasa ini. P 3